

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DATUK MOHD HISAMUDIN BIN YAHAJA

TARIKH : 20 MAC 2024 (RABU)

SOALAN

DATUK MOHD HISAMUDIN BIN YAHAJA minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah tindakan jangka masa panjang Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dalam menangani masalah sosial seperti 'Mini Dhaka' yang sering muncul selepas operasi penangkapan warga asing tanpa izin dilakukan.

JAWAPAN

**YB DR. ZALIHA BINTI MUSTAFA
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

Datuk Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, lambakan warganegara asing di kawasan ibu kota diakui menimbulkan ketidakselesaan dan kacau ganggu kepada warga kota. Pelbagai masalah sosial yang timbul. Antaranya adalah:

- (i) tumbuhnya gerai-gerai haram milik warganegara asing yang terpaksa mencari pendapatan bagi kelangsungan hidup;
- (ii) kita dapat juga ada banyak aktiviti pelacuran di kalangan wanita dan juga lelaki warga asing;
- (iii) ancaman keselamatan kepada warga kota kerana ada kalanya timbul kes-kes percaduhan di kalangan warga-warga asing ini; dan
- (iv) masalah pencemaran pemandangan dan juga isu kebersihan akibat daripada gelandangan warganegara asing.

Tidak keterlaluan juga jika dikatakan bahawa lambakan warganegara asing ini juga menyebabkan penempatan di ibu kota menjadi sangat padat sehingga menyebabkan harga sewa rumah di ibu kota menjadi sangat mahal. Dalam masa yang sama menyukarkan penyasaran subsidi kerajaan yang sepatutnya dinikmati oleh golongan warganegara yang berpendapatan rendah selain pelbagai lagi masalah sosioekonomi yang timbul daripada cara hidup warganegara asing ini yang berbeza dengan norma hidup masyarakat tempatan.

Jadi, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dari semasa ke semasa akan menguatkusakan undang-undang dengan melaksanakan pemantauan dan juga rondaan secara berkala ke atas aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh warga asing ini terutamanya dalam bidang perniagaan dan DBKL mengambil tindakan seperti kompaun dan menyita peralatan atas barang-barang perniagaan yang tidak ada kebenaran atau dilesenkan oleh Datuk Bandar di bawah beberapa peruntukan yang kita ada. Contohnya:

NO SOALAN: 3

- (i) peruntukan Undang-undang Kecil Pelesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian (WPKL) 2016;
- (ii) Undang-undang Kecil Pelesenan Penjaja (WPKL) 2016; dan
- (iii) Undang-undang Kecil Pasar Borong (WPKL) 2002.

Jadi dalam kes contohnya Yang Berhormat bawa iaitu isu mini Dhaka, dalam bulan Januari hingga Februari sahaja kita telah ada 34 tindakan sitaan. Kemudian dengan kerjasama DBKL dan bomba juga, kita adakan operasi bersepadu. Ini juga telah kita laksanakan roboh struktur sekatan dalaman dan ini kita telah melibatkan 108 struktur sekatan binaan yang telah kita lakukan di empat buah premis.

Kemudian Yang Berhormat, kita juga adakan penguatkuasaan untuk pemantauan di *hotspot* dengan menggunakan litar tertutuplah, kamera litar tertutup atau CCTV. Jadi, bagi tindakan jangka masa panjang pula, sebenarnya kita juga mahu melakukan pengumpulan data dalam operasi-operasi yang kita lakukan supaya kita dapat kemudiannya melaksanakan tindakan yang lebih tepat dan adil.

Jadi secara ringkasnya, kerajaan memberi komitmen untuk memprogramkan beberapa siri tindakan secara berjadual dan beroperasi sepadu ini dengan agensi-agensi yang pelbagai termasuklah JIM, KDN, PDRM, MKN, JKM, KPKT dan juga MAIWP.

Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DATUK MOHD HISAMUDIN BIN YAHDAYA

TARIKH : 21 MAC 2024 (KHAMIS)

SOALAN

DATUK MOHD HISAMUDIN BIN YAHDAYA minta **PERDANA MENTERI** menyatakan:

- a) jumlah gelandangan yang terdapat di sekitar Kuala Lumpur yang memohon penginapan di rumah transit Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) yang direkodkan serta jumlah kos yang telah diperuntukkan bagi menanggung golongan gelandangan ini; dan
- b) pelan jangka masa panjang Kerajaan dalam menangani masalah gelandangan.

JAWAPAN

**YB DR. ZALIHA BINTI MUSTAFA
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, Kerajaan sentiasa prihatin dan berusaha membantu golongan gelandangan untuk menjalani kehidupan yang lebih baik. Usaha ini dibuat secara kolaboratif antara Kementerian Dalam Negeri (KDN), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Majlis Keselamatan Negara (MKN), Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Jabatan Pendaftaran Negara (JPN), Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK), Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) dan Yayasan Kebajikan Negara (YKN) serta Badan Bukan Kerajaan (NGO) berkaitan.
2. Hasil kerjasama ini telah memberi impak dan kesan positif di mana hasil operasi cerapan pada 14 Februari 2024 menunjukkan penurunan bilangan gelandangan daripada operasi bersepodu terdahulu pada tahun 2020 - 2021. Bilangan gelandangan terkini semasa operasi cerapan dijalankan pada 14 Februari 2024 adalah seramai 414 orang dan dibandingkan dengan operasi bersepodu pada tahun 2020 – 2021 iaitu seramai 1,346 orang.
3. Terdapat dua lokasi (2) yang menyediakan tempat tinggal sementara kepada golongan gelandangan iaitu:
 - i. Pusat Khidmat Gelandangan (PKG) Medan Tuanku; dan
 - ii. Anjung Kembara Pusat Transit Gelandangan Kuala Lumpur (Anjung Kembara).
4. Selain menyediakan tempat tinggal sementara kepada golongan gelandangan, tempat ini juga dijadikan pusat kegiatan setempat oleh agensi Kerajaan, pihak swasta, Badan Bukan Kerajaan (NGO) dan institusi pengajian tinggi. Antara program yang dilaksanakan adalah penjodohan

pekerjaan (*job matching*). Semenjak program ini diperkenalkan pada tahun 2016, sehingga kini seramai 1,927 orang telah berjaya mendapat pekerjaan. Program ini telah diadakan di Anjung Kembara Pusat Transit Gelandangan Kuala Lumpur (Anjung Kembara) dengan kerjasama Yayasan Kebajikan Negara (YKN), Jabatan Tenaga Kerja (JTK) dan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) untuk membantu kumpulan gelandangan ini menyara kehidupan sendiri dan kembali kepada masyarakat.

5. Selain itu, Jabatan ini juga melaksanakan program pembangunan kemahiran dan keusahawanan yang diperkenalkan pada tahun 2023.

Program ini melibatkan kelas latihan jahitan kasut dan jahitan pakaian bagi memberi peluang kepada golongan gelandangan yang berminat untuk membuka perniagaan sendiri. Sehingga kini, seramai 31 orang telah mengikuti program ini.

6. Beberapa program lain turut dilaksanakan di Anjung Kembara bagi membina keyakinan diri, memupuk pemikiran positif dan perkembangan potensi diri golongan gelandangan. Di samping itu, melalui program yang dijalankan secara mingguan ini juga, golongan ini dapat memantapkan diri dari aspek akidah, akhlak dan sahsiah dan seterusnya bersedia untuk hidup bersama komuniti di luar sana. Program-program tersebut adalah:

- i. Pembangunan jati diri dan personaliti;
- ii. Pembangunan kerohanian dan keagamaan; dan
- iii. Program kemasyarakatan.

7. Program ini disokong oleh rakan strategik antaranya Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI), syarikat korporat, pelajar universiti dan NGO. Selain itu, peserta Anjung Kembara juga akan diberikan peluang untuk mengikuti Program Rumah Bimbingan iaitu program penempatan gelandangan di kawasan perumahan yang disediakan oleh DBKL. Program ini disediakan kepada gelandangan mandiri iaitu gelandangan yang bekerja tetapi tiada tempat tinggal.

8. DBKL telah mengambil inisiatif untuk menyantuni NGO dan Individu Bukan Kerajaan (NGI) yang terlibat dengan mengadakan penjumpaan serta bersemuka di lapangan. Sehingga kini, terdapat 10 NGO yang

NO SOALAN: 21

menjadi rakan kolaborasi DBKL bagi tujuan agihan makanan dan bantuan di Pusat Khidmat Gelandangan (PKG) Medan Tuanku dan Pusat Pembelajaran Komuniti (PPK) Chow Kit. Manakala sejumlah 16 NGO menjadi rakan kolaborasi YKN bagi agihan makanan dan bantuan di Anjung Kembara.

9. Baru-baru ini pada 9 Mac 2024, JWP bersama DBKL telah melaksanakan Operasi Bersepadu Gelandangan melibatkan agensi sahabat iaitu PDRM, MKN Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, JIM Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, JPN Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, AADK Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Jabatan Kesihatan Negeri Kuala Lumpur dan Putrajaya serta SWCorp. Hasil daripada operasi bersepadu ini seramai 55 orang golongan gelandangan telah diambil dan disaring.

10. Pihak Kerajaan sentiasa berusaha menangani isu gelandangan ini secara berterusan, bukan sahaja dengan menyediakan makanan untuk mereka, tetapi berusaha untuk mengubah kehidupan mereka agar mereka boleh meninggalkan kehidupan gelandangan mereka.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN AMIR BIN MD GHAZALI

TARIKH : 21 MAC 2024 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN AMIR BIN MD GHAZALI minta **PERDANA MENTERI** menyatakan usaha yang dilakukan oleh DBKL dalam *placemaking* warga asing memandangkan kehadiran warga asing di ibu kota dalam jumlah yang besar terutamanya ketika musim cuti umum boleh menyebabkan kacau ganggu pada warga kota.

JAWAPAN

**YB DR. ZALIHA BINTI MUSTAFA
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, buat masa ini Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) tiada perancangan dalam melaksanakan *placemaking* bagi warga asing di sekitar ibu kota. Walau bagaimanapun, DBKL sentiasa melaksanakan pemantauan dan rondaan secara berkala ke atas aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh warga asing terutamanya di dalam bidang perniagaan.
2. DBKL telah menguatkuasakan undang-undang dengan melaksanakan tindakan sita serta-merta ke atas barang perniagaan warga asing, membuat penutupan premis sekiranya premis perniagaan dikendalikan sepenuhnya oleh warga asing dan mengeluarkan notis kesalahan terhadap majikan yang didapati menggajikan warga asing tanpa permit kerja yang sah dan seterusnya majikan tersebut akan disyorkan untuk tindakan pembatalan lesen perniagaan. DBKL telah mengenal pasti lokasi-lokasi *hotspot* tumpuan warga asing seperti sekitar kawasan Chow Kit, Jalan Bukit Bintang, Jalan Tun Tan Siew Sin (Jalan Silang), Pusat Bandar Utara dan juga di pusat beli belah Kenanga Wholesale City.
3. Berdasarkan statistik tindakan sepanjang tahun 2023, sebanyak **2,717 barang** penjaja warga asing telah disita, **177 buah premis** yang dikendalikan oleh warga asing telah ditutup dan sebanyak **3,256 Notis Kesalahan** telah dikeluarkan kepada pemilik tempatan di atas kesalahan mengambil pekerja warga asing tanpa permit kerja sah. Pemantauan dan tindakan akan diteruskan dari semasa ke semasa.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN AMIR BIN MD GHAZALI

TARIKH : 25 MAC 2024 (RABU)

SOALAN

TUAN AMIR BIN MD GHAZALI minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status terkini perkembangan pasukan petugas (*task force*) yang diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri ketika lawatan kerja sulung di Labuan.

JAWAPAN

**YB DR. ZALIHA BINTI MUSTAFA
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, hasil daripada lawatan sulung saya ke Wilayah Persekutuan Labuan pada 14 Januari yang lalu, tiga pasukan petugas khas- task force yang diterajui oleh Jabatan Wilayah Persekutuan telah pun ditubuhkan bagi menggerakkan dan merancakkan lagi pertumbuhan ekonomi di Wilayah Persekutuan Labuan iaitu Pasukan Petugas Khas Pelancongan, Pasukan Petugas Khas Jambatan Labuan-Sabah dan juga Pasukan Petugas Khas *Transshipment*.

Jadi Pasukan Petugas Khas Pelancongan Wilayah Persekutuan ini yang telah ditubuhkan ini bertindak sebagai pemudah cara bagi memastikan landskap perancangan dan pelaksanaan serta tadbir urus yang lebih baik bagi kemajuan sektor pelancongan di Wilayah Persekutuan Labuan. Ini sebagaimana yang telah dirancang dalam draf Rancangan Struktur Labuan 2040 serta Rangka Tindakan Pembangunan Labuan 2030.

Jadi, bagi menjayakan program pelancongan di Wilayah Persekutuan Labuan, komitmen kolaboratif antara jentera pentadbiran Wilayah Persekutuan dan jabatan di Wilayah Persekutuan dan Perbadanan Labuan bersama-sama antaranya dengan Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) serta Kementerian Pengangkutan (MOT), telah dilaksanakan dan siri kunjung hormat dan persetujuan prinsip antara kedua-dua belah pihak, MOTAC bersedia untuk bekerjasama dalam aspek pembangunan infrastruktur, produk dan perkhidmatan pelancongan. Manakala MOT pula bersedia untuk meningkatkan kekerapan penerbangan terus ke Wilayah Persekutuan Labuan.

Kemudian bagi Pasukan Petugas Khas Jambatan Labuan-Sabah

NO SOALAN: 9

pula, ia berperanan untuk merancang, meneliti dan juga menilai cadangan pembinaan Jambatan Labuan khususnya daripada segi kebolehlaksanaan juga dari sudut aspek teknikalnya, dari sudut ekonomi dan juga perundangan serta model perniagaan yang mampu berdaya tahan. Pasukan Petugas Khas Jambatan Labuan-Sabah ini telah dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Pengarah- ya, ini juga jawapan saya tadi di Dewan Rakyat, oleh Timbalan Ketua Pengarah Perancangan dan Pembangunan ,Jabatan Wilayah Persekutuan serta ahli-ahlinya adalah terdiri daripada kementerian dan juga agensi-agensi teknikal yang berkaitan.

Jadi, mesyuarat pasukan petugas khas ini telah pun bermesyuarat pada 14 Mac yang lalu. Sebagai tindakan susulan Yang Berhormat, Kementerian Kerja Raya telah pun bersetujuini sangat menarik, untuk membuat permohonan peruntukan bagi cadangan pembinaan jambatan ini kepada Kementerian Kewangan bagi pelaksanaan *feasibility study* dan kajian ini akan dilaksanakan oleh Kementerian Kerja Raya dan penyediaan kajian ini akan mengambil tempoh sekurang-kurangnya 12 bulan lagi.

Seterusnya, bagi Pasukan Petugas Khas *Transshipment* Wilayah Persekutuan Labuan pula, ia menjadi platform untuk kita memudahkan carakan dan memantau perancangan serta pelaksanaan kegiatan *transshipment* yang menggunakan hab stesen di Wilayah Persekutuan Labuan. Fokus utama pasukan ini melibatkan beberapa buah agensi Kerajaan Pusat dan MOT juga adalah untuk menaikkan taraf infrastruktur pelabuhan di Wilayah Persekutuan Labuan serta menyelaras semula dasar yang berkaitan dengan percukaian juga pelabuhan dan perundangan antara negeri Sabah dan Sarawak.

Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DATUK MOHD HISAMUDIN BIN YAHDAYA

TARIKH : 25 MAC 2024 (ISNIN)

SOALAN

DATUK MOHD HISAMUDIN BIN YAHDAYA minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah tindakan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dalam menyelesaikan masalah jalanraya berlubang yang pernah dijanjikan untuk diselesaikan dalam masa 24 jam selepas aduan diterima yang mana dapati jalanraya di Kuala Lumpur semakin banyak berlubang, ia membahayakan pengguna jalanraya terutamanya penunggang motosikal dan juga mencemarkan imej baik Kuala Lumpur.

JAWAPAN

**YB DR. ZALIHA BINTI MUSTAFA
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada tahun 2023 sebanyak 14,311 aduan berkaitan kerosakan jalan telah direkodkan melalui pelbagai sumber aduan seperti sistem Adu@KL, WhatsApp aduan *potholes* dan rondaan oleh pasukan rondaan DBKL. Daripada jumlah tersebut sebanyak 13,730 (95.94%) dikategorikan sebagai aduan berskala kecil manakala baki 581 (4.06%) aduan kerosakan jalan dikategorikan sebagai aduan berskala besar.
2. Bagi aduan berskala kecil, sebanyak 5,948 (43.32%) aduan dikelaskan sebagai *potholes* (jalan berlubang bersaiz kurang dari 1 meter persegi) dan telah diselesaikan dalam tempoh 24 jam dengan menggunakan tenaga kerja sedia ada jabatan. Baki 7,782 (56.68%) aduan kerosakan jalan yang dikelaskan sebagai kerosakan yang berpunca daripada bekas korekan jalan, penutup lubang lurang, tumpahan konkrit dan mendapan tanah iaitu sebanyak 4,659 (59.87%) aduan telah berjaya diselesaikan dalam tempoh 24 jam.
3. Manakala sebanyak 3,123 (40.13%) aduan diselesaikan melebihi tempoh 24 jam, yang mana kerja-kerja pembaikan tersebut dilaksanakan menggunakan kontraktor berpenggal yang dilantik oleh DBKL dan juga tenaga kerja jabatan.
4. Sejumlah RM125.2 juta telah disediakan dalam Belanjawan 2024 DBKL bagi kerja-kerja penurapan jalan di sekitar kawasan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Bagi menambah baik perkhidmatan kerja turapan, DBKL telah melantik 44 kontraktor bagi melaksanakan kerjakerja penurapan jalan dengan menempatkan empat (4) kontraktor di setiap kawasan Parlimen yang akan berkuat kuasa bermula pada 1 April 2024. Setiap pejabat Parlimen akan dimaklumkan berkenaan pelantikan kontraktor yang bertanggungjawab bagi melaksanakan kerja-kerja penurapan jalan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DATO' KESAVADAS A/L A. ACHYUTHAN

TARIKH : 27 MAC 2024 (RABU)

SOALAN

DATO' KESAVADAS A/L A. ACHYUTHAN minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah DBKL selama ini melaksanakan pemantauan serius terhadap tindak tanduk pegawai peguatkuasa, warden trafik atau kakitangan tetap DBKL yang melakukan kerja separuh masa seperti bermiaga bundle secara dalam talian dan memandu e-hailing memandangkan ia boleh menjaskan keterampilan diri sewaktu bertugas.

JAWAPAN

**YB DR. ZALIHA BINTI MUSTAFA
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, pegawai dan kakitangan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) yang melaksanakan pekerjaan luar adalah tertakluk kepada tindakan tatatertib di bawah Kaedah 5, Kaedah-Kaedah Pegawai Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (Kelakuan dan Tatatertib) 1989 dan Kaedah-Kaedah Pegawai Penguin Kuasa Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (Kelakuan dan Tatatertib) 1992 seperti berikut :
 - i. Pekerjaan luar itu hendaklah jangan dilakukan dalam waktu pejabat dan semasa pegawai itu dikehendaki menjalankan tugas-tugas rasminya;
 - ii. Aktiviti itu tidak dengan apa-apa cara menjelaskan kepentingan pegawai itu sebagai seorang pegawai dalam perkhidmatan; dan
 - iii. Pekerjaan atau pengusahaan itu tidak akan dengan apa-apa cara bercanggah dengan kepentingan Datuk Bandar atau menjadi tidak konsisten dengan kedudukan pegawai itu sebagai seorang pegawai dalam perkhidmatan.
2. Berdasarkan rekod daripada Jabatan Pengurusan Sumber Manusia DBKL, seramai 115 orang pegawai dan kakitangan DBKL yang telah diberikan kelulusan serta kebenaran untuk melaksanakan pekerjaan luar yang bagi tahun 2019 sehingga tahun 2023. Manakala, terdapat 5 orang pegawai dan kakitangan DBKL yang telah dikenakan tindakan tatatertib berkaitan perlanggaran tersebut dari tahun 2019 sehingga tahun 2023. Jumlah ini tidaklah besar jika dibandingkan dengan jumlah perjawatan DBKL seramai lebih 9,000 pegawai dan kakitangan.
3. Sehubungan dengan itu, DBKL amat memandang serius serta sentiasa membuat pemantauan terhadap pegawai dan kakitangan yang

NO SOALAN: 17

melaksanakan pekerjaan luar. Kebanyakan pekerjaan yang dilakukan merupakan pekerjaan sampingan yang mempunyai fleksibiliti masa seperti kegiatan gig ekonomi dan perniagaan atas talian. Sekiranya terdapat pegawai dan kakitangan yang melakukan sebarang kesalahan di bawah kedua-dua peraturan yang tersebut di atas, maka tindakan tegas tatatertib akan diambil.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN AMIR BIN MD GHAZALI

TARIKH : 27 MAC 2024 (RABU)

SOALAN

TUAN AMIR BIN MD GHAZALI minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah perancangan pihak DBKL dalam usaha mengurangkan pengeluaran karbon dalam masa yang sama meningkatkan inovasi teknologi hijau dalam mengurus sistem pengangkutan bandar raya yang lebih efisien.

JAWAPAN

**YB DR. ZALIHA BINTI MUSTAFA
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) mengambil maklum terhadap keperluan usaha pengurangan karbon dan dalam masa yang sama meningkatkan inovasi teknologi hijau dalam mengurus sistem pengangkutan bandar raya yang lebih efisien.
2. DBKL juga telah merangka beberapa tindakan dan usaha dalam merealisasikan matlamat terhadap keperluan pengurangan karbon tersebut melalui Pelan Struktur Kuala Lumpur 2040 (PSKL2040) dan Pelan Induk Masyarakat Rendah Karbon Kuala Lumpur 2030 (PIMRK KL2030) serta selaras pendekatan Matlamat Pembangunan Mampan (SGD).
3. Pelan Struktur Kuala Lumpur 2040 (PSKL2040) memfokuskan kepada peningkatan penggunaan pengangkutan awam berbanding kenderaan persendirian bagi mencapai sasaran pisah ragam 70 peratus pengangkutan awam dan 30 peratus pengangkutan persendirian menjelang tahun 2040. Pengangkutan awam melibatkan seperti rel, bas, taxi dan *e-hailing*, pejalan kaki dan pengguna kenderaan mikromobiliti bagi melengkapkan kesinambungan *first mile and last mile*.
4. Hala tuju strategik PSLK2040 adalah ke arah menggalakkan penggunaan pengangkutan hijau melalui :
 - i. Meningkatkan penyediaan awam termasuk *e-hailing* dan mikromobiliti di kawasan tumpuan penduduk.
 - ii. Menyediakan insentif kepada pengendali pengangkutan awam bagi menggalakkan penggunaan seperti bas hibrid dan bas elektrik,
 - iii. Menggalakkan sistem *Automated Mobility*,

- iv. Menyediakan kemudahan dan infrastruktur rendah karbon dan bersih.
 - v. Menyediakan stesen mengecas dan stesen hidrogen untuk kenderaan elektrik di kawasan strategik; dan
 - vi. Menetapkan keperluan tempat letak kereta dan lain-lain kemudahan khas untuk kenderaan rendah karbon sebagai sebahagian keperluan tempat letak kereta bagi setiap pembangunan baharu.
5. Kuala Lumpur juga telah membangunkan Pelan Induk Masyarakat Rendah Karbon Kuala Lumpur 2030 (PIMRK KL2030) yang memfokuskan kepada pelaksanaan 245 program di bawah 10 tindakan dan tiga (3) Teras Utama, dengan sasaran untuk mengurangkan 70% intensiti pelepasan karbon menjelang tahun 2030. Berdasarkan pelan tindakan ini, salah satu tindakan yang berkait dengan sektor pengangkutan adalah Tindakan 3: Mobiliti Hijau yang memberi penekanan kepada lima (5) sub-tindakan iaitu:
- i. Menggalakan mobiliti aktif seperti berjalan kaki dan berbasikal;
 - ii. Pengangkutan awam bersepadu melangkaui kawasan yang lebih luas serta sistem yang sama untuk tambang, jadual, dan tiket yang pantas serta boleh dipercayai;
 - iii. Menggalakkan penggunaan kenderaan hijau dan rendah karbon;
 - iv. Menambah baik keadaan dan prestasi lalu lintas; dan
 - v. Pengangkutan barang angkut hijau.
6. DBKL sedang dan telah melaksanakan pelbagai program inisiatif rendah karbon untuk meningkatkan inovasi teknologi hijau dalam mengurus sistem pengangkutan bandar raya yang lebih efisien. Di antaranya adalah:
- i. Menggalakkan penggunaan pengangkutan awam sebagai mod pengangkutan utama dengan meneruskan pengoperasian Bas

Elektrik GOKL;

- ii. Melaksanakan projek laluan pejalan kaki / berbasikal yang menyeluruh;
- iii. Meneruskan Program KL *Car Free Morning* (Hari Bebas Kenderaan) pada setiap hari Ahad;
- iv. Meneruskan pemberian kad *My50* kepada warga kerja DBKL yang menaiki pengangkutan awam di bawah kendalian Prasarana Malaysia Berhad;
- v. Menggalakkan penggunaan kenderaan elektrik sebagai kenderaan rendah karbon dengan menggalakkan penyediaan petak pengecasan kenderaan elektrik (EVCB) di kawasan tumpuan utama di Kuala Lumpur; dan
- vi. Meneruskan program penanaman pokok bagi mencapai misi 1.5 juta pokok di Wilayah Persekutuan untuk tahun 2021 hingga 2025. Penanaman 1 juta pokok di Kuala Lumpur diteruskan bagi menyahut saranan pelaksanaan program penghijauan Malaysia melalui kempen penanaman 100 juta pokok di seluruh negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DATUK TEO ENG TEE @ TEO KOK CHEE

TARIKH : 03 APRIL 2024 (RABU)

SOALAN

DATUK TEO ENG TEE @ TEO KOK CHEE minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pelan tindakan Kerajaan melalui Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dalam meminimumkan kesesakan lalu lintas, terutamanya di waktu puncak di Kuala Lumpur.

JAWAPAN

**YB DR. ZALIHA BINTI MUSTAFA
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menguruskan purata sebanyak 2.5 juta kenderaan yang keluar dan masuk untuk setiap hari ke Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Justeru, pihak kerajaan telah menubuhkan Jawatankuasa Kabinet bagi menangani isu kesesakan di Lembah Klang. Jawatankuasa tersebut telah mengenalpasti langkah *Quick Win* yang perlu diambil tindakan oleh DBKL iaitu mengadakan Laluan Kontra (*Tidal flow*) seperti di Jalan Loke Yew, Jalan Ampang dan jalan-jalan lain yang akan dikaji oleh DBKL.
2. Tindakan jangka pendek juga telah dikenalpasti iaitu dengan memperkasakan pengangkutan awam terutama perkhidmatan bas. DBKL dengan kerjasama PRASARANA telah mengambil langkah penambahbaikan pengangkutan bas dengan menyediakan laluan khas bas iaitu di kawasan pusat bandar, Jalan Ampang dan Jalan Genting Klang.
3. DBKL juga telah menempatkan seramai 62 anggota Warden Trafik serta lapan (8) buah kren tunda di lokasi-lokasi *hotspot* sekitar Kuala Lumpur mengikut pecahan kawasan iaitu Masjid India, Chow Kit, Bukit Bintang dan Brickfields bagi membuat pemantauan, mengambil tindakan dan membantu mengurangkan kesesakan lalu lintas terutama pada waktu puncak. DBKL telah mengenal pasti 13 lokasi *hotspot* yang sering berlaku kesesakan dan telah menempatkan anggota Warden Trafik untuk tugasan kawalan simpang (*point duty*) pada waktu puncak (jam 7.00 hingga 9.00 pagi pada sesi pagi dan jam 5.00 petang hingga 7.00 malam pada sesi petang) bagi membantu penyuraian arus lalu lintas seperti memastikan pemandu tidak memberhentikan kenderaan di dalam petak kuning dan tiada kenderaan diparkir di bahu jalan.

4. Anggota Warden Trafik turut bekerjasama dengan pihak Polis Trafik dalam membuat kawalan dan memastikan kelancaran lalu lintas di lokasi-lokasi *hotspot* yang lain. DBKL juga telah mewujudkan dua (2) laluan kontra (*tidal flow*) di Jalan Ampang dan Jalan Loke Yew bagi melancarkan pergerakan kenderaan masuk dan keluar Pusat Bandar.
5. Di samping itu, DBKL juga telah menempatkan petugas di *Kuala Lumpur Command & Control Centre* (KLCCC) bagi membuat pemantauan melalui CCTV serta mengenalpasti kenderaan yang mengganggu kelancaran lalu lintas disebabkan oleh kemalangan, insiden atau kerosakan dan melaporkan kepada petugas lapangan untuk tindakan selanjutnya.
6. Pada masa yang sama, Pelan Induk Trafik Kuala Lumpur 2040 (PITKL2040) merupakan satu pelan tindakan yang disediakan dalam melaksanakan pengurusan lalu lintas di Kuala Lumpur pada waktu puncak pagi dan petang. PITKL2040 ini telah dirangka berdasarkan kajian lalu lintas serta unjurannya sehingga tahun 2040. PITKL2040 dibangunkan dengan mengambilkira pembangunan model trafik tahun semasa yang diunjurkan sehingga tahun 2040 berdasarkan zon dan intensiti guna tanah masa hadapan.
7. PITKL2040 mencadangkan penggunaan pengangkutan awam dengan menentukan sasaran nisbah pisah ragam (modal split) 70:30. Langkah-langkah komprehensif bagi mencapai sasaran ini juga dicadangkan bagi pelaksanaan secara berperingkat. Bagi mencapai sasaran nisbah pisah ragam 70:30, fokus perancangan perlu ditekankan kepada meningkatkan jumlah pengguna menaiki pengangkutan awam seperti pengangkutan rel, perkhidmatan bas, serta menggalakkan perkhidmatan *first mile - last mile* seperti kemudahan pejalan kaki, laluan berbasikal serta mikromobiliti.
8. Pelaksanaan dan pemantauan untuk PITKL2040 diteruskan mengikut strategi dan inisiatif untuk mencapai mod pisah ragam yang disasarkan mengikut sela masa yang telah ditetapkan. Unjuran mod pisah ragam bagi sela pertama adalah pada 2025 dengan nisbah 50:50, bagi sela kedua adalah pada 2030 dengan nisbah 53:47, bagi sela ketiga adalah pada 2035 dengan nisbah 60:40 dan bagi sela terakhir pada 2040

NO SOALAN: 38

dengan nisbah 70:30.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN HAJI ABDUL NASIR BIN HAJI IDRIS

TARIKH : 3 APRIL 2024 (RABU)

SOALAN

TUAN HAJI ABDUL NASIR BIN HAJI IDRIS minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pendirian Kerajaan dalam memohon Kampung Baru, Kuala Lumpur sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO.

JAWAPAN

**YB DR. ZALIHA BINTI MUSTAFA
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

Tuan Yang di-Pertua,

- 1) Untuk makluman Yang Berhormat, pada tahun 1899, Kampong Bharu telah ditubuhkan hasil usaha dan desakan penduduk Melayu tempatan di Kuala Lumpur terhadap pentadbiran British Kolonial. Residen British Selangor bersetuju dengan cadangan penubuhan Kampung Melayu di Kuala Lumpur yang terletak di antara Sungai Klang dan Jalan Batu (*Batu Road*).
- 2) Kini, Kampong Bharu yang berusia 125 tahun dan telah menjadi simbol kawasan masyarakat Melayu dalam Bandaraya Kuala Lumpur. Walau bagaimanapun, setelah lebih 1 abad, sudah tentulah terdapat keperluan untuk mengharmonikan persekitaran Kampong Bharu dengan kepesatan pembangunan ibu kota. Sehubungan itu, pada 1 April 2012, Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu (PKB) telah ditubuhkan untuk menerajui pembangunan semula Kampong Bharu ke arah kesejahteraan komuniti di ibu kota pada amnya.
- 3) Antara perkara yang menjadi panduan pembangunan Kampong Bharu adalah nilai kebudayaan dan pemuliharaan warisan alam bina, perancangan inovatif dalam pembangunan tanah, pemuliharaan dan penjanaan semula kawasan bagi membentuk persekitaran berkualiti dan berdaya huni serta yang paling utama, menjaga kepentingan pemilikan orang Melayu.
- 4) Semenjak tertubuhnya Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur pada tahun 1974, terdapat beberapa kawasan di dalam tanah MAS yang telah dimajukan. Kini hanya ada sebilangan kecil sahaja rumah-rumah berciri tradisional yang masih kekal. Antara yang wujud sehingga sekarang adalah Rumah Limas, Rumah Johor, dan Rumah Bumbung Panjang di atas tanah milik individu.

NO SOALAN: 50

- 5) Selain itu juga, terdapat bangunan yang mempunyai nilai sejarah seperti Kelab Sultan Sulaiman, yang terletak di Jalan Kelab Dewan Sultan Sulaiman. Bangunan ini masih wujud sehingga sekarang dan ianya di bawah kawal selia Kerajaan Negeri Selangor. Setakat ini, bangunan ini masih belum tersenarai sebagai tapak yang diwartakan di bawah Jabatan Warisan Negara.
- 6) PKB telah menyediakan Pelan Induk Pembangunan Kampong Bharu 2040 (PIPKB 2040) sebagai hala tuju perancangan dan pembangunan semula Kampong Bharu untuk tempoh 20 tahun akan datang. Pelan Induk ini akan menjadi rangka utama dan panduan utama dalam pembangunan serta pembaharuan semula Kampong Bharu.
- 7) Hala tuju dasar untuk membangunkan semula Kampong Bharu akan dikekalkan selaras dengan pelan induk sedia ada. PKB juga akan memastikan hak dan kepentingan orang Melayu di Kampong Bharu terpelihara. Percayalah, Kerajaan akan berusaha mengangkat Kampong Bharu sebagai Bandar Melayu yang tersergam dengan megah di Kuala Lumpur. Sehubungan itu, bagi memastikan pembangunan semula Kampong Bharu dapat diteruskan sebagaimana yang telah dirancang, Kerajaan tidak bercadang untuk mengangkat Kampong Bharu sebagai tapak warisan dunia UNESCO. Ini adalah kerana pengiktirafan UNESCO akan menyebabkan sebarang cadangan pembangunan Kampong Bharu tidak dapat diteruskan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA
ANIFAH BIN AMAN**

SOALAN

TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA ANIFAH BIN AMAN minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah bajet yang diberikan secara terperinci untuk pembangunan dan penyelenggaraan kemudahan asas di W.P. Labuan serta W.P. Putrajaya sepanjang RMKe-12.

JAWAPAN

**YB DR. ZALIHA BINTI MUSTAFA
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKTUAN)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, kerajaan sentiasa komited dalam memastikan pembangunan Wilayah Persekutuan (WP) Putrajaya dan Labuan diberi keutamaan sama ada melalui pelaksanaan projek-projek baharu atau melibatkan kerja-kerja menaik taraf serta menyelenggara kemudahan asas di kedua-dua wilayah berkenaan.
2. Di Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP), sebanyak RM909.7 juta kos projek telah diluluskan kerajaan mulai tahun 2021 hingga 2024 untuk membiayai 24 projek di bawah maksud perbelanjaan pembangunan di dua (2) wilayah tersebut. Ia melibatkan projek-projek yang dilaksanakan melalui Perbadanan Putrajaya (PPj) dan Perbadanan Labuan (PL).
3. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 15 projek bernilai RM847.2 juta diluluskan kepada PPj manakala 9 projek bernilai RM62.5 juta diluluskan kepada PL.
4. Projek-projek yang diluluskan meliputi pelbagai infrastruktur seperti jambatan, laluan perhubungan berbumbung dan tapak pengurusan sampah serta kemudahan awam seperti taman rekreasi, pusat komuniti, pasar, menaik taraf gerai-gerai dan sebagainya.
5. Manakala melalui maklumat yang diterima daripada Unit Penyelarasian Pelaksanaan (ICU), Jabatan Perdana Menteri pula, bilangan projek dalam *Rolling Plan 4 Tahun 2024* RMKe-12 di Wilayah Persekutuan merangkumi semua agensi dan kementerian adalah berjumlah 805 projek dengan kos bernilai RM148.67 bilion.

NO SOALAN: 42

6. Peruntukan yang disediakan Kerajaan Persekutuan pada tahun ini sahaja kepada W.P. Putrajaya adalah sebanyak RM13.53 bilion bagi 330 projek dan W.P. Labuan sebanyak RM219.81 juta bagi 81 projek.

Sekian, terima kasih.